



23/10/2008(Khamis)

## PAC adakan mesyuarat 29-30 Oktober bincang isu Eurocopter

NILAI 23 Okt. - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan mengadakan mesyuaratnya pada 29 dan 30 Oktober ini, bagi mengkaji secara terperinci segala isu yang berkaitan dengan pembelian Eurocopter EC725 yang menggantikan helikopter Nuri.

Pengerusinya, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, di dalam mesyuarat tersebut, PAC akan membuat penilaian dari sudut teknikal, kewangan serta prosedur pembelian.

Beliau berkata, wakil daripada pihak Kementerian Pertahanan akan dipanggil bagi membolehkan PAC mendapatkan maklumat yang diperlukan berhubung isu pembelian helikopter itu.

“Setiap aspek yang berkaitan dengan isu pembelian Eurocopter ini akan diperhalusi sedalam-dalamnya oleh semua ahli PAC terutama dari segi teknikal dan kewangan,” katanya selepas majlis perasmian Hari Audit Se-Malaysia di Akademi Audit Negara di sini hari ini. - Utusan



23/10/2008(Khamis)

## PAC bincang isu Eurocopter 29 Oktober

NILAI 23 Okt. – Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan mengadakan mesyuaratnya pada 29 dan 30 Oktober ini bagi mengkaji secara terperinci segala isu yang berkaitan dengan pembelian helikopter Eurocopter EC725 bagi menggantikan Nuri.

Pengerusinya, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, di dalam mesyuarat tersebut pihaknya akan membuat penilaian dari sudut teknikal, kewangan serta prosedur pembelian.

Beliau berkata, wakil daripada pihak Kementerian Pertahanan akan dipanggil bagi membolehkan PAC mendapatkan maklumat yang diperlukan berhubung isu pembelian helikopter itu.

“Ini merupakan satu isu sensitif dan berprofil tinggi dan PAC akan bertindak sebaik mungkin kerana kami bertanggungjawab kepada setiap anggota Parlimen dan rakyat.

“Setiap aspek yang berkaitan dengan isu pembelian Eurocopter ini akan diperhalusi sedalam-dalamnya oleh semua ahli PAC terutama dari segi teknikal dan kewangan,” katanya selepas majlis perasmian Hari Audit Se-Malaysia di Akademi Audit Negara di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai arahan kerajaan supaya PAC memperhalusi isu pembelian helikopter Eurocopter EC725 bagi menggantikan Nuri sebelum sebarang keputusan dibuat untuk membeli pesawat itu.